

19 JAN 1996

KONSORTIUM PERKAPALAN CATAT PREMIUM RM4.20

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd yang dikuasai oleh Mirzan Mahathir hari ini menerima premium yang amat membanggakan iaitu sebanyak RM4.20 pada hari pertama ia diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Kaunter tersebut dibuka pada harga RM6.80 sebelum ditutup pada RM6.70. Ia bergerak antara paras tertinggi RM6.90 dan paras terendah RM6.30 dengan sejumlah 10.9 juta saham diniagakan.

Konsortium Perkapalan yang baru-baru ini membeli syarikat perkapalan yang kedua terbesar di Malaysia, Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd, meramalkan keuntungan kumpulan sebelum cukai sebanyak RM59.684 juta bagi tahun berakhir 31 Disember, 1996.

Syarikat itu bergiat cergas terutama dalam perkhidmatan mengangkut kontena dan mempunyai 300 lori. PNSL pula mempunyai 14 buah kapal.

Konsortium Perkapalan telah membuat terbitan awam membabitkan 16.101 juta saham RM1 seunit pada harga RM2.60 seunit. -- BERNAMA